

<b>LEMBARAN PENJELASAN PRODUK PERINGATAN:</b>  Sila baca Lembaran Penjelasan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon. Sila pastikan anda juga telah membaca terma dan syarat. Anda dinasihati untuk mendapatkan penjelasan daripada institusi anda sekiranya anda tidak memahami mana-mana bahagian dokumen ini atau terma.	<b>VERSI BAHASA MALAYSIA</b>  <b>Bank :</b> MBSB Bank Berhad (“MBSB Bank”) <b>Produk :</b> Pembiayaan Kenderaan-i (AITAB) <b>Tarikh dikeluarkan kepada pelanggan:</b> <hr/>										
<b>1. Apakah produk ini?</b>											
Pembiayaan Kenderaan-i (AITAB) adalah satu kemudahan pembiayaan berdasarkan kadar boleh ubah untuk membantu anda membayai pembelian kenderaan anda secara pembayaran sewa bulanan. Pemilikan kenderaan hanya akan dipindahkan kepada anda setelah kesemua pembayaran sewa menurut kemudahan pembiayaan dijelaskan sepenuhnya.											
<b>2. Apakah konsep syariah yang digunakan?</b>											
<ul style="list-style-type: none"> <li>Pembiayaan Kenderaan-i (AITAB) MBSB Bank adalah berlandaskan Kontrak Al-Ijarah Thumma Al Bai (AITAB) menurut konsep Syariah.</li> <li>Terdapat dua kontrak yang terlibat dalam konsep ini. Kontrak pertama adalah kontrak sewaan, dan kontrak kedua ialah kontrak jualan. Kontrak tersebut dilakukan satu demi satu.</li> <li>Dibawah kontrak Al-Ijarah, penyewa (pelanggan) menyewa barang daripada pemilik (MBSB Bank) dengan sewa yang dipersetujui dalam jangka masa yang ditentukan. Dalam tempoh sewaan, penyewa menandatangani kontrak sewaan barang daripada pemilik dengan harga yang dipersetujui. Selama tempoh perjanjian, MBSB Bank memiliki kenderaan tersebut.</li> <li>Setelah sewaan diselesaikan sepenuhnya, sebuah kontrak jualan akan dilaksanakan, bagi jualaan kenderaan daripada MBSB Bank kepada penyewa.</li> </ul>											
<b>3. Apakah Kadar Asas Standard (KAS)?</b>											
KAS yang ditawarkan untuk produk ini adalah berdasarkan kadar penanda yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM). Kadar penanda kini ditetapkan kepada Kadar Dasar Sementara (KDS), yang merupakan pendirian dasar monetari seperti yang diputuskan oleh Jawatankuasa Dasar Monetari BNM. Untuk maklumat lanjut mengenai pelaksanaan KAS, sila rujuk laman web MBSB Bank <a href="https://www.mbsbbank.com/sbr-br-bfr">https://www.mbsbbank.com/sbr-br-bfr</a>											
<b>4. Apakah kebarangkalian keadaan yang menyebabkan perubahan KAS?</b>											
KAS boleh naik dan turun mengikut perubahan kadar penanda aras, iaitu perubahan pada KDS.											
<b>5. Rujukan penanda aras KAS untuk 3 tahun terdahulu:</b>											
<p>Sila rujuk laman web MBSB Bank untuk data sejarah terkini.</p> <p>Pergi ke <a href="https://www.mbsbbank.com/sbr-br-bfr">https://www.mbsbbank.com/sbr-br-bfr</a></p>											
<b>6. Apakah yang saya perolehi daripada produk ini?</b>											
<table border="1"> <tr> <td>Amaun Pembiayaan</td> <td>RM _____</td> </tr> <tr> <td>Kadar Keuntungan</td> <td>KAS + _____ %</td> </tr> <tr> <td>Tempoh Pembiayaan</td> <td>_____ tahun</td> </tr> <tr> <td>Kadar Keuntungan Efektif</td> <td>_____ %</td> </tr> <tr> <td>Kadar Keuntungan Siling</td> <td>11.00% setahun</td> </tr> </table>		Amaun Pembiayaan	RM _____	Kadar Keuntungan	KAS + _____ %	Tempoh Pembiayaan	_____ tahun	Kadar Keuntungan Efektif	_____ %	Kadar Keuntungan Siling	11.00% setahun
Amaun Pembiayaan	RM _____										
Kadar Keuntungan	KAS + _____ %										
Tempoh Pembiayaan	_____ tahun										
Kadar Keuntungan Efektif	_____ %										
Kadar Keuntungan Siling	11.00% setahun										

**Nota:**

- Amaun pembiayaan yang diluluskan dan tempoh kemudahan Pembiayaan Kenderaan-i (AITAB) MBSB Bank anda adalah bergantung kepada penilaian kredit dan kriteria kelulusan yang ditetapkan oleh pihak MBSB Bank.
- Bagi kemudahan yang diikat pada KAS, Kadar Keuntungan Efektif tertakluk kepada kadar minimum 1.00% setahun atau pada kadar minimum lain yang akan ditentukan oleh MBSB Bank dari semasa ke semasa dengan pemberitahuan dua puluh satu (21) hari kalender sebelumnya kepada Penyewa.

**7. Apakah kewajipan saya?**

- Anda diminta untuk membayar semua sewa bulanan menurut jadual yang telah dipersetujui seperti dinyatakan dalam kontrak sewaan atau mana-mana notis selanjutnya setelah pembayaran dibuat sehingga salah pembiayaan langsai.
- **Penting:** Sewa bulanan dan jumlah pembayaran anda akan berbeza-beza tertakluk kepada perubahan pada KAS.

Tahun	Kadar Semasa %	Jika KAS naik 1%	Jika KAS naik 2%
Sewa Bulanan			
Jumlah Keuntungan			
Jumlah Bayaran			

**PENTING:**

Sila rujuk laman web kami di <https://www.mbsbbank.com/sbr-br-bfr> untuk KAS terkini.

**Semua pengiraan dan maklumat di atas adalah untuk tujuan illustrasi sahaja.**

- Berdasarkan ilustrasi di atas, jumlah pembayaran (sewa) bulanan akan dinaikkan/diturunkan dengan kenaikan/penurunan KAS. Anda boleh mengemukakan permintaan kepada MBSB Bank untuk mengekalkan pembayaran sewa bulanan dan menukar tempoh jumlah sewa yang sama walaupun terdapat kenaikan pada KAS, dengan syarat bahawa sewa tersebut cukup untuk menampung keuntungan bulanan. Perbezaan pembayaran sewa bulanan kemudian akan dihitung dan dibayar pada sewa yang terakhir pada akhir tempoh pembiayaan.

**8. Apakah fi dan caj yang saya perlu bayar?**

**8.1 Fi dan Caj**

Jenis Fi / Caj	Butiran Yuran / Caj
Permohonan salinan Perjanjian Sewa Beli-i	RM10.00
Permohonan salinan Perjanjian Sewa Beli-i (Penjamin)	RM10.00
Permohonan Pengesahan Audit (untuk Perniagaan sahaja)	RM20.00
Surat Persetujuan (untuk kegunaan JPJ, permohonan dari pelanggan) pertukaran nombor enjin.	RM20.00
Permohonan salinan penukaran nama (e-Hakmilik)	RM10.00
Permohonan untuk persetujuan surat menghantar kereta ke Sabah/ Sarawak/ Thailand/ Singapura/ Lain-lain (dikeluarkan ke JPJ dan/atau Kastam atau pihak-pihak yang berkenaan, permohonan dari pelanggan)	RM10.00

**8.2 Caj-Caj Mandatori**

Jenis Caj	Butiran Caj
Duti Setem Perjanjian Sewa Beli-i	RM 10.00 (Duti setem nominal)
Duti Setem Perjanjian Sewa Beli-i dengan Penjamin	RM10.00 (Duti setem nominal)
Bayaran Pos	RM 1.00 untuk mel biasa RM 5.00 untuk mel berdaftar

**Nota:**

Anda akan dimaklumkan secara bertulis sekurang-kurangnya dua puluh satu hari (21) hari kalender sebelum tarikh kuat kuasa pelaksanaan, sekiranya terdapat sebarang perubahan atau tambahan dalam yuran/caj bagi kemudahan pembiayaan anda. Sila rujuk laman web kami di [www.mbsbbank.com](http://www.mbsbbank.com) untuk maklumat terperinci mengenai fi dan caj.

## 9. Bagaimana jika saya gagal untuk memenuhi kewajipan saya?

Sekiranya anda menghadapi kesulitan membayar sewa bulanan, sila hubungi pihak MBSB Bank untuk bayaran alternatif. Kelewatan dari pihak anda akan mengakibatkan perkara berikut:

- **Kadar Ganti Rugi (Ta'widh)**

- i. Anda akan dikenakan kadar ganti rugi berdasarkan senario berikut:

Sebelum tarikh matang kemudahan tersebut

Satu jumlah yang bersamaan dengan satu peratus (1%) setahun ke atas sewa tertunggak hingga tarikh pembayaran penuh;

$$= \text{Sewa tertunggak} \times 1\% \times \frac{\text{bilangan hari tertunggak}}{365}$$

Selepas tarikh matang kemudahan tersebut

Satu jumlah yang bersamaan dengan kadar semasa harian semalam Kadar Pasaran Wang antara bank Islam (IIMM) pada baki belum jelas i.e. Harga Jualan tertunggak ditolak *ibra* (jika ada);

$$= \text{Baki belum jelas} \times \text{kadar semasa IIMM} \times \frac{\text{bilangan hari tertunggak}}{365}$$

- ii. Ia akan bermula dari tarikh pembayaran pertama kali dimungkiri pada tarikh bayaran sebenar walaupun Kemudahan ditamatkan atas apa jua sebab.
- iii. Pampasan pada kadar yang disebut terdahulu akan dibayar oleh anda selepas dan sebelum sebarang penghakiman atau perintah mahkamah.
- iv. Walau apa pun jumlah caj pembayaran lewat yang dikenakan, ia diakui dengan jelas dan bersetuju bahawa amanah caj pembayaran lewat tersebut tidak akan dikompaun lagi.

- **Hak Penolakan**

MBSB Bank boleh menolak sebarang baki kredit dalam akaun anda di MBSB Bank terhadap mana-mana baki belum jelas dalam akaun pembiayaan anda dengan memberi notis bertulis (termasuk melalui medium elektronik) sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum penolakan tersebut dilaksanakan.

- **Tindakan Undang-Undang**

MBSB Bank boleh mengambil tindakan undang-undang terhadap anda sekiranya anda gagal untuk memberi respon kepada notis peringatan. Anda akan menanggung segala kos yang berkaitan dengan penarikan dan lelongan. Jika terdapat sebarang baki tertunggak selepas penjualan kenderaan anda, anda bertanggungjawab untuk menyelesaikan baki tersebut.

- **Penjejasan Penarafan Kredit**

Tindakan undang-undang terhadap anda mungkin akan menjadikan penarafan kredit anda, lantas menyebabkan pembiayaan lebih sukar atau mahal untuk anda.

## 10. Sekiranya saya menyelesaikan sepenuhnya pembiayaan sebelum tempoh matang?

- Anda akan diberi rebat *ibra'* ke atas baki keuntungan belum diperoleh pembiayaan anda seperti yang dinyatakan dalam Akta Sewa Beli 1967. Pengiraan *ibra'* (rebat) ialah:
- *Ibra'* (rebat) = \*Baki Caj Terma Belum Diperolehi – anggaran kos yang munasabah yang ditentukan oleh pihak MBSB Bank (jika ada).

\*Baki Caj Terma Belum Diperoleh adalah sama dengan caj terma yang belum direalisasikan pada masa penyelesaian penuh. Pengiraan *ibra'* (rebat) akan dibuat mengikut mana-mana kaedah, peraturan dan/atau arahan BNM atau mana-mana pihak berkuasa lain yang mempunyai bidang kuasa ke atas MBSB Bank.

- Untuk melengkapkan kontrak jualan, Surat Pemberitahuan Kontrak Jualan akan dilaksanakan dan dihantar kepada anda melalui mel biasa (termasuk juga melalui saluran elektronik) selepas penyelesaian penuh dibuat keatas plebeian fasiliti tersebut.

**Nota:**

Kos/ perbelanjaan lain termasuk bayaran pos, caj pemilikan semula, penyimpanan, yuran guaman dan lain-lain (yang terpakai).

**11. Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?**

- Tertakluk kepada keadaan dan bergantung kepada penilaian kredit anda oleh MBSB Bank, anda mungkin perlu menyediakan penjamin.

**12. Adakah saya memerlukan sebarang perlindungan takaful?**

**TAKAFUL MOTOR/INSURANS:** Takaful Motor/Insurans adalah wajib. Kenderaan hendaklah dilindungi secukupnya di bawah perlindungan menyeluruh terhadap risiko kebakaran, kemalangan, kecurian, dalam peristiwa force majeure seperti bencana alam (banjir, taufan, ribut, letusan gunung berapi, gempa bumi, tanah runtuh dan lain-lain) dan risiko lain yang mungkin diperlukan oleh pihak MBSB Bank dari semasa ke semasa sepanjang Tempoh Sewa. Kegagalan untuk mendapatkan perlindungan yang mencukupi akan menyebabkan anda bertanggungjawab (di sisi undang-undang) dan pihak Bank berhak untuk menuntut pembayaran yang tertunggak daripada anda.

**HIRE PURCHASE REDUCING TERM TAKAFUL (HPRTT):** HPRTT adalah atas pilihan anda/ tidak wajib. Sekiranya anda meninggal dunia atau mengalami kecacatan kekal sepenuhnya, HPRTT akan membayar jumlah pampasan mengikut Jadual Jumlah Perlindungan seperti yang dinyatakan di dalam polisi. Ini akan mengurangkan beban sewa bulanan pada waris-waris atau keluarga terdekat anda. Anda boleh memilih untuk memasukkan sumbangan HPRTT ke dalam jumlah keseluruhan Kemudahan dengan MBSB Bank untuk menikmati perlindungan sepanjang tempoh pembiayaan.

**GUARANTEED ASSET PROTECTION (GAP):** GAP adalah atas pilihan anda / tidak wajib dan boleh diperolehi daripada pelbagai pengendali perkhidmatan takaful. Jika berlaku kerugian menyeluruh atau kecurian kenderaan, GAP akan menampung perbezaan antara tuntutan Motor takaful dan pembayaran tertunggak. Ini akan mengurangkan beban sewa bulanan pada waris-waris atau keluarga terdekat anda. Anda boleh memilih untuk membeli sumbangan GAP secara berasingan untuk menikmati perlindungan sepanjang tempoh Kemudahan.

**Nota:**

- Ejen akan menyediakan sebut harga untuk Takaful Motor/ HPRTT/GAP yang ditawarkan oleh pengendali Takaful panel MBSB Bank atau mana-mana pengendali Takaful sah pilihan anda dan dipersetujui oleh pihak MBSB Bank. Walaubagaimanapun, untuk mengelakkan sebarang kelewatan, pelantikan pengendali Takaful panel MBSB Bank adalah amat digalakkan.
- Dalam mengambil perlindungan Takaful di atas, pihak MBSB Bank dengan ini menasihati anda mengenai perkara berikut:
  - a) Anda dinasihatkan untuk mendapatkan perlindungan Takaful Motor, HPRTT dan GAP
  - b) Anda boleh mendapatkan insurans konvensional untuk melindungi Kenderaan dalam keadaan berikut:
    - i. Permohonan untuk perlindungan Takaful ditolak oleh semua pengendali takaful; atau
    - ii. Kos perlindungan insurans jauh lebih kompetitif berbanding dengan kos perlindungan Takaful.
- Perlindungan Takaful adalah penting bagi memastikan penawaran produk ini patuh Shariah secara sepenuhnya. Walaubagaimanapun, pihak MBSB Bank berhak untuk menuntut apa-apa amaun yang perlu dibayar walaupun anda memilih insurans konvensional.
- Sekiranya anda memilih untuk menggunakan Insurans Motor konvensional, sebahagian daripada bayaran deposit anda akan dikira sebagai pembayaran bagi kos premium insurans.

**13. Apakah risiko utama?**

- Kadar keuntungan adalah berdasarkan kadar boleh ubah dan mungkin berubah bergantung kepada perubahan mengikut kadar rujukan(iaitu KAS). Peningkatan dalam kadar keuntungan tersebut mungkin akan menyebabkan bayaran bulanan yang lebih tinggi. Peningkatan bayaran sewa bulanan tersebut akan tertakluk kepada MBSB Bank memberi anda notis bertulis(termasuk melalui medium elektronik) sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum peningkatan tersebut berkuat kuasa.

**Nota:**

- Sekiranya anda mempunyai masalah untuk memenuhi kewajipan pembayaran anda, sila hubungi kami untuk pembayaran alternatif.

**14. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan dalam maklumat peribadi saya?**

- Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada MBSB Bank mengenai sebarang perubahan dalam maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyerat sampai tepat pada masanya kepada anda.
- Selaras dengan dasar/garis panduan MBSB Bank dan kontrak jualan, sebarang perubahan pada butiran peribadi perlulah secara bertulis dan ditandatangani dengan sewajarnya oleh pelanggan dan dialamatkan kepada pihak MBSB Bank.

**15. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan pembelaan?**

- Sekiranya anda mempunyai kesukaran dalam membuat pembayaran sewa, anda hendaklah menghubungi kami dengan kadar segera untuk berbincang mengenai alternatif pembayaran.

Alamat: <b>Jabatan Kutipan dan Pemulihan</b> Tingkat 7, Wisma MBSB Bank, 48, Jalan Dungun, Damansara Heights, 50490 Kuala Lumpur.	Tel No	03-20835000
	E-mel	<a href="mailto:ecu.careline@mbsbbank.com">ecu.careline@mbsbbank.com</a>

- Sekiranya anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh kami, anda boleh mengisi "e-Borang untuk membuat maklum balas/aduan pelanggan" yang boleh didapati di laman web di [www.mbsbbank.com](http://www.mbsbbank.com) yang akan dihantar ke Jabatan Pengurusan Pengalaman Pelanggan kami. Anda juga boleh menghubungi kami di:

Alamat: <b>Jabatan Pengurusan Pengalaman Pelanggan</b> Tingkat 7, Wisma MBSB Bank, 48, Jalan Dungun, Damansara Heights, 50490 Kuala Lumpur.	Tel No	03-20963000
	E-mel	<a href="mailto:complaint@mbsbbank.com">complaint@mbsbbank.com</a> / <a href="mailto:enquiry@mbsbbank.com">enquiry@mbsbbank.com</a>
	Laman Web	<a href="http://www.mbsbbank.com">www.mbsbbank.com</a>

- Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan khidmat Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturkan semula hutang untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:

Alamat: <b>Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)</b> Tingkat 5 dan 6, Menara Bumiputra-Commerce, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur.	AKPK Infoline	03-2616 7766
	No Faks	03-2616 7601
	E-mel	<a href="mailto:enquiry@akpk.org.my">enquiry@akpk.org.my</a>
	Waktu Operasi	9:00 pg. – 5:00 ptg. (Isnin – Jumaat)

- Sekiranya pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan secara memuaskan oleh pihak kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK ATAU TELELINK di:

Alamat: <b>BNMLINK</b> Bank Negara Malaysia Blok D, Jalan Dato' Onn 50480 Kuala Lumpur	No. Telefon	1-300-88-5465
	Waktu Operasi:	
	9:00 pg. – 5:00 ptg. (Isnin – Jumaat)	
	No Faks	03-2174 1515
	E-mel	<a href="mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my">bnmtelelink@bnm.gov.my</a>

#### 16. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

- Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan berkenaan pembiayaan Sewa Beli-i, sila layari laman web kami di [www.mbsbbank.com](http://www.mbsbbank.com) atau e-mel ke [enquiry@mbsbbank.com](mailto:enquiry@mbsbbank.com) untuk butiran lanjut.

#### **NOTA PENTING:**

**TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA SEKIRANYA ANDA TIDAK MEMBUAT PEMBAYARAN UNTUK KEMUDAHAN PEMBIAYAAN ANDA**

Maklumat yang dinyatakan di dalam lembaran keterangan ini sah dari **DD/MM/YY**

#### **Penafian:**

Syarat-syarat dan terma-terma di dalam Lembaran Penjelasan Produk ini adalah tentatif / petunjuk sahaja. Terma-terma dan syarat-syarat yang akhir adalah seperti yang ditetapkan dalam Perjanjian Sewa Beli-i selepas penilaian kredit dan kelulusan pembiayaan.

#### **Untuk Kegunaan Bank:**

Penasihat Jualan dikehendaki mengisi borang ini apabila menguruskan permohonan pembiayaan ini.